

13 DISEMBER 2017

Pelajar warga Bangladesh edar dadah ditahan

Pelajar warga Bangladesh edar dadah ditahan

KUALA LUMPUR - Polis menahan seorang lelaki warga Bangladesh yang merupakan pelajar sebuah universiti swasta di Semenyih kerana disyaki aktif mengedar dadah Ahad lalu.

Penuntut Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik berusia 23 tahun yang disyaki mula aktif melakukan kegiatan itu sejak dua tahun lalu ditahan kira-kira pukul 4 petang.

Turut dirampas dalam serbuan di bilik asrama universiti itu adalah empat ketulan mampat dipercayai dadah jenis ganja yang dibalut kertas timah dan satu plastik lutsinar juga disyaki ganja seberat empat kilogram bernilai RM12,000.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd. Yussof berkata, pihaknya telah menerima maklumat daripada orang awam berhubung kegiatan pengedaran dadah di kawasan universiti tersebut.

"Siasatan awal mendapati suspek yang mula menuntut di universiti tersebut sejak 2014 menyasarkan pelajar di beberapa buah universiti berdekatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.